

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

SOALAN

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perjanjian antarabangsa yang sedang diteliti oleh pihak Kementerian untuk diratifikasi oleh Malaysia dan adakah pihak Kementerian akan membentangkan di dalam Dewan Rakyat sebelum mana-mana perjanjian antarabangsa itu ditandatangani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini, Malaysia telah meratifikasikan lebih daripada 50 perjanjian antarabangsa yang merangkumi isu-isu seperti alam sekitar, hak asasi manusia, keselamatan dan hal ehwal maritim.

3. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam meneliti secara menyeluruh perjanjian-perjanjian antarabangsa yang sesuai untuk diratifikasi oleh Malaysia, melalui konsultasi dengan semua pemegang taruh berkaitan, sebelum sebarang keputusan dibuat untuk menandatangani mana-mana perjanjian antarabangsa. Proses ini memerlukan penelitian yang mendalam dan menyeluruh serta mengambil masa yang panjang.

4. Mengenai pembentangan di Dewan Rakyat pula, Kerajaan akan meneliti sama ada perjanjian-perjanjian antarabangsa yang ingin diratifikasi memerlukan penggubalan undang-undang baharu atau pindaan undang-undang sedia ada bagi menguatkuasakan perjanjian-perjanjian tersebut di Malaysia.

Sekian, terima kasih.